

04 SEP 2001

Malaysia-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA SETUJU SELESAI ISU TERTANGGUH

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Malaysia dan Singapura hari ini bersetuju pada dasarnya untuk menyelesaikan semua isu tertangguh yang melibatkan kedua-dua negara.

Persetujuan itu dicapai pada perbincangan dua hala yang dipengerusikan bersama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew.

Dr Mahathir memberitahu sidang media bahawa pegawai dari kedua-dua negara akan membincangkan segala butiran bagi menyediakan satu perjanjian untuk ditandatangani oleh perdana menteri kedua-dua negara.

Isu-isu itu termasuk penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura, pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di stesen KTM di Tanjung Pagar, Singapura.

Dua lagi isu ialah tentang penggunaan ruang udara Malaysia oleh tentera udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Selain isu-isu itu, kedua-dua pihak juga bersetuju dengan cadangan tambahan Malaysia mengenai pembinaan jambatan baru menghubungkan kedua-dua negara dan merobohkan Tambak Johor selepas jambatan baru itu siap pada 2007.

Tidak ada had masa ditetapkan untuk perjanjian itu ditandatangani.

Lee pula berkata persetujuan hari ini adalah hasil cadangan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong supaya segala isu tertangguh itu diselesaikan dalam satu pakej.

"Kita telah mencapai persetujuan pada rangka asas, hanya sedikit saja lagi yang perlu dilakukan.

"Kita telah sampai ke peringkat untuk menyelesaikan soal butiran, merangkakannya dalam bentuk ayat oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua pihak supaya kedua-dua Perdana Menteri, jika mereka bersetuju dengan draf itu, akan menandatangani," kata Lee.

Mengenai persetujuan itu, Lee berkata Singapura akan mendapat 350 juta gelen (satu gelen bersamaan 4.5 litre) air sehari dari Malaysia selepas 2061.

Selepas 2061, Malaysia akan menjual 100 juta gelen air mentah sehari dan 250 juta gelen air yang ditapis sehari yang akan diproses secara usaha sama.

Katanya Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia sehingga 2061, berbanding dengan harga sekarang sebanyak 3 sen.

Selepas 2061, Singapura akan membayar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen, dan kadar itu akan dikaji semula setiap lima tahun.

Lee berharap persetujuan hari ini akan menamatkan pembabitan pihak atasan untuk menyelesaikan isu-isu itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula berkata persetujuan yang dicapai hari ini tidak boleh dilihat sebagai kejayaan atau kekalahan kepada mana-mana negara.

"Dalam kes ini, jangan lihat sama ada Malaysia mendapat lebih daripada apa yang ia mahu atau Singapura mendapat kurang daripada apa yang ia mahu.

Katanya kedua-dua pihak gembira kerana butiran mengenai isu itu sedang diselesaikan.

-- BERNAMA

AFY HK SK ITEM STORED AS: BB238 M50 00141 GB 04-09 2120 Malaysia

Singapura 3 Putrajaya MAL